

**Orang Sabah tolong jangan cakap fasal keluar Malaysia, kata PM**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 12, 2016**

**Datuk Seri Najib Razak berkata beliau akan memastikan Sabah terus maju dengan pembangunannya mengimbangi kemajuan yang dicapai di Semenanjung**

**PENAMPANG:** Datuk Seri Najib Razak berkata beliau akan pertahankan hak orang Sabah, bukannya mengambil hak warga negeri di bawah bayu itu.

“Tapi saya minta jangan kata kami mahu keluar dari Malaysia. Tidak..Tidak...Tidak. Kita di dalam satu keluarga, kita tetap bersama dalam ikatan Malaysia,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Parti Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) di Pusat Kebudayaan Sabah di sini hari ini.

Menurut laporan Bernama, perdana menteri berkata beliau akan memastikan Sabah terus maju dengan pembangunannya mengimbangi kemajuan yang dicapai di Semenanjung dan akan terus memberi ruang kepada rakyat untuk mengemukakan tuntutan mereka.

Najib berkata rakyat Malaysia perlu melihat ke depan dan sebagai perdana menteri, beliau akan terus bersikap terbuka dan merendah diri dalam melayani apa pun rungutan dan permintaan rakyat untuk memastikan agenda besar negara tercapai.

“Sebagai contoh saya bersikap terbuka dalam soal Perjanjian Malaysia 1963 dalam Perlembagaan Malaysia dan sekiranya ada perbezaan tafsiran, pintu sentiasa terbuka untuk perkara itu dirundingkan,” katanya dipetik daripada Bernama.

Sehubungan itu, katanya seluruh rakyat Malaysia perlu membudayakan sikap berpandangan jauh dan berfikiran luas untuk menjadikan agenda besar Malaysia menjadi negara kelas pertama, suatu realiti.

Katanya, rakyat Malaysia tidak harus terkongkong dan menyibukkan diri dengan hal remeh-temeh kerana keadaan seperti itu cuma akan menyebabkan negara ini akan tertinggal jauh ke belakang berbanding negara lain.

“Kita ada agenda besar. Kita bukan nak jadi negara kelas kedua, bukan. Kita tidak mahu menjadi negara biasa-biasa sahaja. Kita mahu Malaysia menjadi negara terbaik di kalangan yang terbaik di muka bumi ini.

“Sebab itu saya mencadangkan Transformasi Nasional 2050 (TN50). TN50 inilah satu proses dialog dari akar umbi. Tujuannya untuk menentukan hala tuju baharu untuk meletakkan Malaysia ini di puncak kegemilangan sebagai sebuah negara kelas pertama yang boleh kita banggakan,” katanya.

Najib juga menafikan tuduhan seorang bekas pemimpin negara yang beliau tidak demokratik kerana pada zaman pemerintahan pemimpin berkenaan, beratus-ratus orang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

“Orang itu kata saya ini tidak demokratik. Siapa lebih demokratik, yang menahan beratus-ratus (orang) di bawah ISA dulu? Orang itu hari ini kata orang lain tidak demokratik,” katanya.

Katanya, rakyat hari ini sudah bijak dan tidak boleh ditipu kerana mereka sudah tahu membezakan antara kaca dan permata.

Menurut Najib pemimpin berkenaan tidak sepatutnya menyalahkan orang lain kerana pada zaman pemerintahannya banyak kesalahan yang telah dilakukannya.

“Saya (seorang yang) merendah diri... saya tak kata saya sempurna, tapi janganlah orang yang lebih tidak sempurna mengata orang (lain) tak sempurna,” katanya dipetik daripada Bernama.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Pemangku Presiden Upko Datuk Seri Madius Tangau, Presiden Kehormat Upko yang juga Duta Malaysia ke Holy See Tan Sri Bernard Dompok serta pemimpin parti komponen BN.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/12/orang-sabah-tolong-jangan-cakap-fasal-keluar-malaysia-kata-pm/>